

Headline	Teringat nenek		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	10 Nov 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	41	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	335 cm <sup>2</sup>
Journalist	Asrizal Aris	AdValue	RM 13,146
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,438



# Teringat nenek

■ Tabung Haji bantu 4,000 pelajar asnaf seluruh negara

Asrizal Aris

asrizal.aris@hmetro.com.my

## Kuala Lumpur

**“D**apat duit nak bagi nenek, kesian nenek jaga saya seorang diri,” itu kata Nur Junaidah Zamri, 10, penerima sumbangan program Iqra’ Tabung Haji yang tinggal bersama neneknya selepas ibu bapanya bercerai ketika dia masih kecil.

Nur Junaidah antara 468 pelajar cemerlang daripada 16 sekolah yang menerima sumbangan RM500 daripada Tabung Haji (TH) iaitu wang tunai RM300 dan kelengkapan sekolah RM200.

Beliau berkata, dia mempunyai abang serta adik lelaki namun kedua-duanya dijaga ibu saudaranya dan hanya dia tinggal bersama

nenek.

“Nenek boleh jaga saya saja kerana dia hanya bekerja tukang urut. Apabila besar

nanti, saya mahu jadi doktor kerana dapat bantu orang sakit seperti nenek.

“Hari ini (semalam) TH beri sumbangan dan saya berikan kepada nenek untuk dia uruskan perbelanjaan sekolah tahun depan,” katanya pada majlis pelancaran Program Iqra’ TH 2016 di Dewan Darul Kifayah, Batu Caves, di sini, semalam.

Menurut murid Sekolah Kebangsaan St Mary itu, dia nekad belajar bersungguh-sungguh demi mencapai impian dan mahu membantu masyarakat yang kurang berkemampuan seperitnya.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, jumlah sumbangan keseluruhan yang diagihkan TH kepada pelajar asnaf yang cemerlang bernilai RM234,000.

“Saya difahamkan TH

menyasarkan agihan zakat pendidikan berjumlah RM2 juta untuk 4,000 pelajar asnaf di bawah program Iqra’ pada tahun ini yang dilaksanakan di semua negeri seluruh negara.

“Semoga sumbangan ini mendorong serta membarukan semangat pelajar asnaf untuk terus menuntut ilmu tanpa memikirkan masalah

ekonomi,” katanya selepas majlis itu, semalam.

Menurutnya, dia berharap sumbangan itu dimanfaatkan ibu bapa dan penjaga pelajar

dalam menguruskan yuran serta perbelanjaan keperluan sekolah untuk tahun depan.

Turut hadir, Pengerusi TH Datuk Seri Panglima Abdul

Azeez Abdul Rahim dan Pengerah Urusan Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Johan Abdullah.

**“Nenek boleh jaga saya saja kerana dia hanya bekerja tukang urut. Apabila besar nanti, saya mahu jadi doktor kerana dapat bantu orang sakit seperti nenek**

Nur Junaidah Zamri

Headline	Teringat nenek		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	10 Nov 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	41	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	335 cm <sup>2</sup>
Journalist	Asrizal Aris	AdValue	RM 13,146
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,438



**JAMIL Khir (tengah) bersama penerima sumbangan selepas Majlis Pelancaran Program Iqra' TH 2016 di Dewan Darul Kifayah, semalam.**